

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- Kajian kes impak Movement Control Order (MCO) di lapangan bagi Negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; dan
- Pasaran Buruh di Malaysia – Guna Tenaga di Sektor Informal dan GIG.

### PENDAHULUAN

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis telah melaksanakan Kajian Impak COVID-19 kepada beberapa sektor utama negara, terutamanya dalam Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Sektor Pembuatan, Sektor Perkhidmatan dan Sektor Pembinaan. Kajian yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan temuduga pengusaha di lapangan.

Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya (Ibu Pejabat) juga turut telah menjalankan analisis kesan penularan wabak pandemik di Malaysia terhadap Pasaran Tenaga Buruh dalam Sektor Informal dan GIG.

### RINGKASAN KESAN KEPADA BEBERAPA SEKTOR – NEGERI TERPILIH

#### PERLIS

- Pembuatan
- Perkhidmatan

#### PULAU PINANG

- Pembuatan
- Perkhidmatan
- Pembinaan

#### KEDAH

- Pembuatan
- Perkhidmatan

#### PERAK

- Pembuatan
- Perkhidmatan

#### SELANGOR

- Pembuatan
- Perkhidmatan

### SEKTOR PEMBUATAN – NEGERI TERPILIH

#### PEMBUATAN KENDERAAN

Jangkaan penurunan lebih daripada 50% daripada jualan bulanan bagi bulan Mac 2020. - **SELANGOR**



#### SARUNG TANGAN GETAH

Peningkatan pengeluaran sebanyak 50%. - **SELANGOR**



#### ALUMINIUM

Beberapa syarikat pengilang menghentikan operasi. - **PERLIS**



#### KOMPONEN ELEKTRONIK

- Jangkaan penurunan lebih daripada 50% daripada jualan bulanan bagi bulan Mac 2020. - **SELANGOR**
- Jangkaan jualan peralatan ujian semikonduktor merosot lebih 10% pada suku pertama tahun 2020. - **PULAU PINANG**
- Penghasilan cip frekuensi radio 5G (RF) terkesan. - **PULAU PINANG**




## PEMBUATAN BISKUT/ BAKERI

Syarikat tidak beroperasi semasa tempoh PKP dan pembekal tidak dapat membekalkan bahan-bahan mentah yang diperlukan. Syarikat melaporkan anggaran kerugian di antara 70% hingga 90%. - **PERAK**



## PENGELUARAN BERAS

Kemerosotan dalam aktiviti pengeluaran beras sebanyak 35% berikutan penutupan kilang. Lambakan stok padi yang masih tidak dapat diproses dan kerugian kepada syarikat. - **KEDAH**



## PENGELUAR MEDICAL SUPPLIES

Syarikat pengeluar *medical supplies* (face mask, produk terapi dan *ICU tube ventilator*) terpaksa beroperasi dengan 1/3 daripada keseluruhan bilangan pekerja dan hanya membolehkan sekitar 40% pengeluaran.

- **KEDAH**

## SUBSEKTOR PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT (PERKHIDMATAN) – NEGERI TERPILIH

### KEDAI RUNCIT, PASAR MINI, OPTICAL & FARMASI

- Pengusaha pasar mini dan kedai runcit memaklumkan peningkatan jualan sebanyak 50%. - **SELANGOR**
- Sebilangan kedai runcit tutup seperti di Sungai Pinang dan Balik Pulau. Pendapatan dijangka menurun 30% ke 50% berikutan perbelanjaan yang tertumpu kepada barang keperluan asas sahaja. - **PULAU PINANG**
- Kedai runcit menggunakan pendekatan perkhidmatan penghantaran dan *pick-up* (menerusi aplikasi Whatsapp). - **KEDAH**
- Hasil jualan beberapa kedai runcit yang telah meningkat sebanyak 100% berikutan *panic buying*. - **KEDAH**



- Jualan *pharmaceutical product* meningkat pada Februari disebabkan aktiviti *re-stock* berdasarkan jangkaan awal isu wabak ini. Jualan bagi Mac dijangka akan mengalami penurunan dalam 30% kesan daripada PKP serta kesukaran memperoleh bekalan dari luar negeri. - **SELANGOR**
- Syarikat bumiputra yang terlibat dengan aktiviti optikal dan tempahan cermin mata menganggarkan kerugian sebanyak 50% atau RM18,000 hingga RM25,000 dalam tempoh PKP kerana tidak beroperasi dalam tempoh tersebut. - **PERAK**



### JUALAN KENDERAAN BERMOTOR

Dianggarkan penurunan hasil jualan kenderaan bermotor lebih daripada RM1.5 bilion pada bulan Mac 2020. Hasil jualan bulanan di luar tempoh PKP adalah sebanyak RM3 bilion. - **SELANGOR**

## SEKTOR PEMBINAAN – NEGERI TERPILIH

### PEMBINAAN RUMAH

- Penasihat Penang Master Builders & Building Materials Dealers Association, memaklumkan sekurang-kurangnya RM5 bilion nilai kerja pembinaan yang dijalankan.
- Sekiranya PKP berpanjangan, projek ini akan ditangguhkan sekurang-kurangnya satu hingga dua bulan, bergantung kepada peringkat penyiapan yang telah dicapai. Kontraktor dan pemaju perlu membayar balik bayaran balik lewat kepada pemaju dan pembeli rumah.
- Terdapat juga keperluan untuk melakukan kerja pemulihan, yang akan menelan belanja beberapa juta ringgit.
- Terdapat 100,000 pekerja asing yang sah di negeri ini yang tidak mempunyai pekerjaan.
- Bekalan bahan dan peralatan seperti jubin, perkakas sanitari dan peralatan – dari China telah menghadapi gangguan. - **PULAU PINANG**



## PENAPIS AIR

Sebuah syarikat bumiputra yang terlibat dengan aktiviti jualan langsung dan servis alat penapis air melaporkan kerugian 100% bagi tempoh sebulan dengan anggaran sebanyak RM453,000. Syarikat ini tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP dan telah menjelaskan 51 orang pekerja kerana syarikat hanya bergantung kepada hasil kutipan ansuran bulanan dan jualan alat penapis air.- **PERAK**



## DOBI DAN MENCUCI KERETA



Salah satu syarikat PKS bumiputra yang terlibat dalam aktiviti dobi dan carwash menganggarkan kerugian sebanyak RM6,000 sehingga RM8,000 bagi tempoh penguatkuasaan PKP.- **PERAK**

## 'ESSENTIAL SERVICES'

Kerajaan Negeri Perlis telah memaklumkan beberapa insentif:

- potongan sewaan gerai bagi bulan Mac 2020 sebanyak 50% kepada semua peniaga kecil (gerai / meja jualan) yang menyewa gerai Majlis Perbandaran Kangar, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Bhg. Pentadbiran Daerah dan Bahagian Perumahan yang memberi manfaat kepada 1,487 peniaga kecil/gerai
- pengecualian sewa tapak bagi pasar malam dan pasar sehari di bawah kelolaan MPK bagi bulan April 2020 ataupun bulan berikutnya setelah tamat PKP melibatkan seramai 2,104 peniaga
- FAMA melalui Pusat Operasi FAMA membantu memasarkan produk pertanian komoditi terpilih termasuk harumanis secara online bagi petani yang menghadapi kesukaran pemasaran.- **PERLIS**

## GUNA TENAGA DI SEKTOR INFORMAL & GIG

### SEKTOR INFORMAL

- Guna tenaga sektor informal 2019 dianggarkan dengan bilangan sebanyak 1.52 juta (tanpa Sektor Pertanian, atas saranan International Labour Organization (ILO)).
- Guna tenaga di sektor informal sebahagian besarnya berada di sektor Perkhidmatan (62.1%), subsektor Perdagangan borong dan runcit (20.4%) dan sebanyak 16.2% lagi terlibat dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (16.2%).

### GIG

- ILO dalam kajian berkaitan pekerja dalam ekonomi gig menggunakan taraf pekerjaan “independent contractor” dalam survei isi rumah berkaitan pasaran buruh untuk mengenal pasti pekerja gig.
- Pekerja gig di Malaysia dianggarkan menggunakan proksi penduduk dengan taraf pekerjaan bekerja sendiri di pekerjaan utama dan pekerjaan kedua dalam Survei Tenaga Buruh.
- Pada 2019 dianggarkan sekitar 2.68 juta guna tenaga bekerja sendiri dalam pekerjaan utama.
- Dianggarkan pekerja gig adalah sekitar 2.77 juta pada 2019.



### PEKERJAAN SEKTOR INFORMAL

- lebih 90% guna tenaga sektor informal bekerja dalam kategori separuh mahir, yang mana lebih 40% sebagai pekerja perkhidmatan & jualan seperti jurujual di gerai & pasar dan jurujual makanan di tepi jalan.
- Sebahagian besar guna tenaga iaitu sekitar 70% adalah mereka yang bekerja sendiri iaitu beroperasi secara perseorangan tanpa menggaji pekerja lain.

## IMPAK COVID-19 KEPADA SEKTOR INFORMAL & GIG

- Guna tenaga sektor informal terkesan terutamanya sebanyak 16.2% dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan yang didominasi oleh aktiviti restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak seperti gerai dan kenderaan sorong makanan.
- Dijangka 20.4% yang melaksanakan aktiviti jualan runcit makanan dan minuman yang beroperasi di tempat kediaman akan menukar model perniagaan dengan melaksanakan penghantaran rumah ke rumah.
- Pekerja gig pula dijangka bertambah dalam tempoh ini memandangkan peningkatan dalam perkhidmatan penghantaran perkhidmatan di rumah terutamanya di subsektor peruncitan dan makanan & minuman.
- Sehubungan itu, dijangka peningkatan akan berlaku dalam guna tenaga sektor informal serta pekerjaan gig selepas tempoh PKP.